

Idea Sejarah *Tanbih* dalam Historiografi *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin* Karya Syeikh Ahmad al-Fatani

The *Tanbih* Idea of History in *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin's* Historiography of Syeikh Ahmad al-Fatani

AHMAD FAATHIN MOHD. FADZIL
AZMUL FAHIMI KAMARUZAMAN

ABSTRAK

Artikel ini menganalisis idea sejarah tanbih dalam kerangka historiografi Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin karya Syeikh Ahmad al-Fatani. Syeikh Ahmad adalah seorang sarjana serba boleh dari rantau Nusantara yang menjalani proses pengajian di Timur Tengah. Beliau menghasilkan sebuah adikarya bertajuk Hadiqat al-Azhar yang turut mengandungi falsafah sejarah tentang tanbih atau peringatan. Fokus penulisan ini adalah untuk mencerakinkan falsafah sejarah Syeikh Ahmad dan pengaplikasiannya dalam Hadiqat al-Azhar. Penulisan ini mengaplikasi pendekatan kualitatif menerusi analisis kandungan dan kajian historiografi terhadap Hadiqat al-Azhar sebagai teks kajian. Hasil kajian mendapatkan idea sejarah tanbih Syeikh Ahmad adalah adaptasi daripada konsep cibrah dalam historiografi Islam. Tujuan dan aplikasi idea sejarah tanbih juga bertujuan untuk mendidik masyarakat Melayu melalui naratif sejarah yang dianggap dekat dengan mereka, bertujuan menyegarkan dan mengingatkan semula mereka terhadap perkara yang sudahpun diketahui. Penggunaan konsep ini juga terangkum melalui penulisan sembilan tema sejarah dalam kitab Hadiqat al-Azhar.

Kata Kunci: Sejarah Islam; Tanbih; Historiografi Islam; Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin; Syeikh Ahmad al-Fatani

ABSTRACT

This article analyse the tanbih idea of history in the historiographical framework of Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin by Syeikh Ahmad al-Fatani. Syeikh Ahmad was a versatile scholar from Malay Archipelago who spent most of his academic life around the Middle East. He produced an important masterpiece known as Hadiqat al-Azhar in which contained his philosophy of history pertaining the idea of tanbih or commemoration. The focus of this writing is to analyse Syeikh Ahmad's philosophy of history and its application in historiography of Hadiqat al-Azhar. This writing applied the qualitative approach through content analysis and historiographical research with Hadiqat al-Azhar as the researched text. The results showed that tanbih idea of history is the adoption from the concept of cibrah in Islamic historiography. The purpose and application of tanbih idea of history also aims to educate Malay society through historical narratives which is close to them, refresh and remind them back to things that they already know. The use of this concept also synchronized through the sorting of nine themes in historiographical contents of Hadiqat al-Azhar.

Keywords: Muslim idea of History, Tanbih, Islamic Historiography, Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin, Syeikh Ahmad al-Fatani.

PENGENALAN

Historiografi Islam merupakan cabang ilmu yang membahaskan tentang bagaimana konsep sejarah dilakarkan seseorang sejarawan Islam dalam karya mereka. Permulaan penulisan sejarah Islam dikaitkan dengan penulisan *hadith* pada era Rasulullah (Mulalic 2012). Hal ini tidak menghairankan kerana historiografi Islam bermula dengan penulisan biografi Rasulullah, kemudian berkembang kepada riwayat hidup Rasul secara lengkap pada zaman selepas kemunculan sejarawan Islam seperti *Urwah*

ibn al-Zubayr dan al-Zuhri yang menulis tentang *sirah al-rasul* (al-Duri t.th.). Walaupun historiografi Islam secara lengkap bermula pada zaman al-Zuhri, namun hakikatnya disiplin ini wujud sejak zaman sebelumnya namun pada waktu masih belum membentuk epistemologi yang khusus. Pada era itu, *mu'arrikh* (sejarawan) merupakan *muhaddith* (ahli hadith) yang mengumpulkan perkhabaran mengenai Rasulullah dan mengasingkan perkhabaran-perkhabaran mengenai sejarah hidup Rasulullah sama ada aspek kehidupan baginda mahupun peperangan yang disertainya. Maka daripada ini

lahirlah historiografi *sirah* dan *maghazi* dalam Islam (Zaid Ahmad 2009). Melalui peredaran zaman, historiografi Islam semakin lengkap dengan perkhabaran mengenai sejarah umat Islam hingga kepada era kerajaan Islam sebagaimana dilakukan al-Tabari dalam karya *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*.

Walaupun pelbagai kitab sejarah Islam ditulis dan berlegar dalam masyarakat, hakikatnya wujudnya perbezaan yang signifikan pada karya-karya tersebut. Terdapat sejarawan menulis tentang peristiwa dalam karyanya namun terdapat sejarawan lain yang tidak memasukkan peristiwa yang sama dalam karya mereka. Oleh yang demikian, dapat dikenalpasti bahawa terdapat aspek-aspek tertentu diambil kira sejarawan dalam menentukan fakta dan peristiwa sejarah yang dirakamkan dalam karya masing-masing. Maka daripada ini, perbahasan mengenai historiografi Islam muncul dan mengambil tempat dalam disiplin historiografi Islam. Ia membahaskan perkara di sekitar fakta yang ditulis sejarawan yang mencatatkan keterangan peristiwa politik, negara dan fenomena pada masa lalu. Selain merakamkan peristiwa, sejarah juga berperanan untuk mendapatkan kebenaran yang berlaku pada masa lalu (Ibn Khaldun 2000). Sejarah, walaupun ia adalah rakaman peristiwa lalu namun tidak semuanya dianggap sebagai sejarah. Hanya peristiwa-peristiwa penting dan signifikan sahaja dianggap sebagai sejarah oleh seseorang individu, masyarakat, negara maupun dunia (Siti Hawa 2009). Oleh yang demikian, ia adalah bergantung pada tanggapan dan sisi pandang seseorang terhadap isu tersebut sama ada ia adalah sejarah yang perlu dicatatkan maupun tidak. Semasa menulis sejarah, seseorang sejarawan akan mengambil kira beberapa aspek dan metodologi yang akan digunakan semasa menulis sejarah. Sebagaimana Miskawayh menggunakan prinsip *tajribah* dan Ibn al-Athir membawa gagasan *al-kamil* dalam penulisan mereka, sejarawan-sejarawan lain turut mempunyai idea, prinsip dan metodologi tersendiri dalam pengkaryaan sejarah mereka (Azmul Fahimi 2010; Azmul Fahimi et al. 2014).

Syeikh Ahmad al-Fatani merupakan antara ulama Melayu terulung yang menghasilkan beberapa karya dalam bidang sejarah. Beliau juga dianggap sebagai ulama Melayu pertama mencatatkan secara lengkap sejarah Kerajaan Uthmaniyyah daripada sultan yang pertama hingga sultan era beliau (Wan Mohd. Shaghir 2005). Melalui kitab sejarah beliau *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin*, Syeikh Ahmad telah memaparkan kepelbagaiannya konteks sejarah daripada pelbagai zaman, tempat dan lokasi

dalam sebuah kitab. Perkara ini dilihat agak ganjil dalam penulisan sejarah kerana tabiat penulisan sejarawan akan menyusun karya mereka khusus terhadap sesuatu konteks atau tema tertentu. Maka tidak menghairankan apabila terdapat sarjana yang beranggapan kitab *Hadiqat* merupakan sebuah kitab rampai yang mencampurkan pelbagai isu, keilmuan dan merangkumi pelbagai bidang (Abdul Razak 2009). Walaupun kitab tersebut memuatkan pelbagai perkara selain daripada fakta sejarah, kitab tersebut telah dianggap sebagai sebuah karya sejarah atas dua faktor. Pertama, kandungannya yang didominasi oleh fakta sejarah dan hanya memuatkan sebahagian kecil sahaja perkara-perkara lain. Kedua, melalui pengakuan Syeikh Ahmad sendiri pada bahagian mukadimah kitab tersebut (Ahmad 1935).

Dalam kitab tersebut, Syeikh Ahmad mencatatkan ‘*tanbih wa al-istitrad al-nafis*’ yang bermaksud ‘perjagaan dan ganggu-gangguan yang amat elok’ (Ahmad 1935). Pada bahagian tersebut, Syeikh Ahmad telah menghuraikan mengenai kaedah yang beliau aplikasikan dalam penulisan kitab *Hadiqat*. Bahagian ini juga secara tidak langsung menyatakan bahawa Syeikh Ahmad menggunakan dua metode dalam penulisan sejarah beliau iaitu *tanbih* dan *istitrad*. Penggunaan sesuatu metode bagi sejarawan secara tidak langsung telah menggambarkan idea dan gagasan sejarah yang dibawa oleh mereka dalam penulisan tersebut. *Tanbih* secara umumnya bermaksud peringatan dan penyegaran semula yang ingin disampaikan kepada pihak yang diingatkan. Ia boleh jadi dalam bentuk nasihat, ungkapan maupun permisalan. Apabila diteliti kitab tersebut, didapati Syeikh Ahmad seakan ingin menyampaikan mesej dan peringatan melalui periwatanan beliau dalam fakta sejarah. Oleh yang demikian, perbahasan artikel ini menfokuskan kepada idea sejarah *tanbih* yang diterapkan Syeikh Ahmad dalam penulisan kitab *Hadiqat*.

KONTEKS SEJARAH SYEIKH AHMAD AL-FATANI

Nama penuh Syeikh Ahmad al-Fatani ialah Wan Ahmad bin Wan Muhammad Zainal ‘Abidin bin Datuk Panglima Kaya Syeikh Haji Wan Mustafa bin Wan Muhammad Zainal ‘Abidin bin Wan Muhammad Salih al-Laqqihi bin ‘Ali al-Masyhur al-Laqqihi (Wan Mohd. Shaghir 2005). Mengenai nasab Syeikh Ahmad, terdapat beberapa pendapat mengenai nasab beliau yang sebenar. Cucu beliau, Wan

Mohd. Shaghir Abdullah mencatatkan nasab beliau sebagaimana yang ditulis di atas. Namun, dalam kitab *Hadiqat al-Azhar*, Syeikh Ahmad mencatatkan nasabnya sebagai Ahmad bin Muhammad Zayn bin Mustafa bin Muhammad Fatani (Ahmad 1935). Dalam kitab *Risalah al-Fataniyyah* pula, Syeikh Ahmad menulis nasabnya sebagai Ahmad bin Zainal Abidin bin Haji Wan Mustafa bin Wan Muhammad bin Musa al-Fathani (Wan Mohd. Shaghir 2005). Dapat diperhatikan terdapat perbezaan nama pada moyang beliau. Dalam *Risalah al-Fataniyyah*, nama moyangnya dicatat sebagai ‘Musa’ namun dalam kitab *Hadiqat al-Azhar* dicatat sebagai ‘Muhammad’. Menurut Wan Mohd Shaghir, Musa merupakan nama sebenar kepada moyang Syeikh Ahmad dan Zainal Abidin merupakan gelaran kepada namanya iaitu Syeikh Faqih Wan Musa al-Fatani. Syeikh Ahmad al-Fatani dilahirkan pada 5 Syaaban 1272H bersamaan 10 April 1856M. Beliau mendalami ilmu-ilmu keislaman di banyak negara termasuk Mekah, Palestin, Mesir dan lain-lain. Pada ketika itu beliau menguasai sekurang-kurangnya 47 bidang ilmu. Kepelbagaiannya keilmuan Syeikh Ahmad turut didorong semangat beliau dalam menuntut ilmu. Beliau sering menyamar seakan seseorang yang tidak tahu apa-apa dan memasuki *halaqah-halaqah* ilmu yang ada untuk belajar. Oleh yang demikian, beliau telah berguru dengan ramai tokoh ulama dan ilmuan pada zamannya. Antara guru-guru beliau ialah Shaykh ^cUmar al-Shami al-Baqa‘i, Sayyid Husayn al-Habshi, Sayyid Abu Bakr Shatta, Sayyid Ahmad ibn Zayni Dahlwan, Shaykh Muhammad ibn Sulayman Hasb Allah dan Sayyid Shaykh Muhammad Haqqi al-Nazili (Wan Muhammad Shaghir 2005).

Syeikh Ahmad tidak hanya menghabiskan hidup beliau di Makkah dengan menuntut ilmu, bahkan beliau turut menjadi salah seorang tenaga pengajar di sana. Semasa zamannya, antara ulama Melayu lain yang turut mengajar bersama beliau ialah Syeikh Muhammad Nawawi al-Bantani, Syeikh Ahmad Khatib bin Abdul Latif al-Minangkabawi, Syeikh Uthman bin Abdul Wahab (Sarawak) dan Syeikh Jamaludin bin Idris (Negeri Sembilan) (Ahmad Fathy al-Fatani 2000). Dalam pengkaryaannya, Syeikh Ahmad telah melibatkan diri dalam penulisan buku dan kitab sejarah. Tidak hanya dalam bahasa Arab, beliau juga mengarang kitab-kitab sejarah dalam bahasa Melayu. Wan Mohd. Shaghir dalam hal ini menyatakan bahawa Syeikh Ahmad merupakan seorang sejarawan dari Alam Melayu yang dikagumi di Timur Tengah. Ketokohan beliau dalam bidang tersebut terbukti apabila Sultan ^cAbd

al-Hamid II meminta beliau untuk menulis tentang sejarah Kerajaan ^cUthmaniyyah (Wan Mohd. Shaghir 2005). Karya tersebut beliau tuliskan dalam dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Arab. Karya bahasa Arab tersebut beliau namakan dengan *Tarikh Turki ^cUthmani* namun tidak ditemui sehingga kini. Karya bahasa Melayu tersebut pula telah dimuatkan dalam kitab *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin* bersama catatan sejarah lain. Walau bagaimanapun, Abdullah Zaidi Hasan dalam hal ini menyatakan bahawa sebenarnya tidak wujud catatan Kerajaan ^cUthmaniyyah dalam bahasa Arab seperti yang dinyatakan oleh Wan Mohd. Shaghir. Karya yang wujud hanyalah dalam bahasa Melayu seperti yang dimuatkan dalam kitab *Hadiqat* (Abdullah Zaidi 2014). Selain dari kitab *Hadiqat*, antara kitab sejarah lain yang telah ditulis oleh Syeikh Ahmad ialah kitab *Badr al-Tamam wa al-Nujum al-Thawaqib* yang mengisahkan mengenai *sirat* Rasulullah SAW dan para sahabat RA.

KONSEP IDEA SEJARAH

Colingwood menyatakan seseorang sejarawan dalam menterjemahkan fakta akan mengolah fakta tersebut mengikut kefahaman mereka sendiri (Collingwood 1961). Oleh yang demikian, kewujudan kepelbagaiannya idea dan kaedah dalam catatan setiap sejarawan dalam mencatatkan sejarah dan fakta terhadap sesuatu peristiwa. Ia turut didorong oleh sisi pandang sejarawan terhadap peristiwa tersebut. Sidi Gazalba dalam mengulas perkara ini menyatakan bagaimana pemikiran dan sisi pandang sejarawan dalam menulis sejarah. Beliau mengambil contoh sejarah Indonesia yang ditulis oleh M. Yamin S.H. yang lebih menonjolkan elemen Pancasila dan HAMKA yang lebih menonjolkan elemen agama (Gazalba 1966). Oleh yang demikian, dalam mengkaji sesebuah karya sejarah, adalah satu keperluan untuk mengkaji dan memahami biografi sejarawan tersebut bagi mengenal pasti kecenderungan dan pendirian sejarawan tersebut. Pendidikan sejarawan tersebut juga perlu diambil perhatian kerana bentuk pendidikan yang diterimanya yang membentuk pemikiran sesuatu perkara (Collingwood 1961).

Dalam mengulas hal ini juga, Collingwood menyatakan terdapat dua ciri untuk mengenal pasti idea sejarah yang terdapat pada seseorang sejarawan. Pertama, ia mestilah bercirikan sains atau penyelidikan yang menjurus untuk mendapatkan jawapan terhadap sesuatu perkara. Melalui ini, Collingwood berpendapat bahawa idea sejarah

adalah untuk menjawab persoalan ‘kenapa’ dan ‘bagaimana’ sesebuah peristiwa sejarah itu berlaku dan dicatatkan. Kedua, fakta dan peristiwa yang dicatatkan adalah tindakan oleh perilaku dan individu pada masa lalu, oleh yang demikian fakta tersebut mestilah logik pada kemanusiaan dan pemikiran seorang manusia. Oleh yang demikian, pada pendapat Collingwood, idea sejarah merupakan usaha seorang sejarawan dalam memahami sesuatu fakta sejarah mengikut pemahaman dan pemikiran sejarawan tersebut (Collingwood 1961).

Pencerakinan Collingwood itu menunjukkan bahawa idea sejarah merupakan satu perbahasan dalam skop ilmu falsafah sejarah. Ibn Khaldun mengklasifikasikan konsep ini dengan memberikan definisi *Tarikh* atau sejarah sebagai suatu yang tersirat mengandungi teori, kebenaran, analisis, prinsip dan kaedah (Ibn Khaldun 1996). Maka berdasarkan kefahaman itu, sejarawan sama ada secara tersurat atau tersirat menggagaskan idea sejarah atau falasafah sejarah mereka dalam sesebuah karya historiografi yang ditulis mengikut laras epistemologi yang tersendiri. Inilah yang dilakukan oleh Ibn Khaldun (Zaid Ahmad 2018) yang muncul dengan idea sejarah ‘*Umran* (Mahayudin 2018), al-Attas pula dengan gagasan sudut pandang sejarah Islam di Nusantara (al-Attas 2011) dan Syeikh Ahmad juga dengan idea sejarah *tanbih* dalam *Hadiqat al-Azhar*.

KARYA HADIQAT AL-AZHAR WA AL-RAYAHIN

Judul penuh bagi kitab tersebut sepertimana yang dinaqalkan oleh Syeikh Ahmad ialah *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin fi Manaqib al-Akhyar wa Akhbar al-Salihin wa Aniqat al-Surur wa al-Istihsan fi Nafa'is Shatta Yarghab fiha Kullu Insan* حديقة الأزهار والرياحين في مناقب الأخيار وأخبار الصالحين وأنيقة السرور والإستحسان في نفائس شتى يرغبه كل إنسان (Ahmad 1354H). Judul bagi seorang sejarawan secara tidak langsung memberikan implikasi terhadap idea dan falsafah sejarah seseorang sejarawan. Ia juga sering memberi petunjuk terhadap isi kandungan kitab tersebut (Azmul Fahimi 2010). Sebagaimana *Tajrib al-Umam* oleh Miskawayh, frasa tersebut bermaksud ‘pengalaman-pengalaman bangsa’ yang dialami oleh era Parsi pra-Islam, Rasulullah, Khulafa’ al-Rashidin, Banu Umawi dan Banu ‘Abbasi (Azmul Fahimi 2010). Perkara yang sama dapat dilihat pada *al-Kamil fi al-Tarikh* oleh Ibn al-Athir yang membawa maksud ‘sejarah yang sempurna’ (Azmul

Fahimi et al. 2014). Oleh yang demikian, penelitian terhadap etimologi judul karya sejarah perlu diambil perhatian untuk mendapatkan gambaran umum mengenai idea sejarah seseorang sejarawan serta anatomi kepada historiografi sesebuah karya sejarah (Azmul Fahimi 2016).

Dari aspek bahasa, *Hadiqah* (حديقة) bermaksud taman yang mempunyai bunga sebagaimana dalam firman Allah SWT dalam Surah ‘Abasa (80) ayat ke-27، وَهَذِهِنَّ أَنْوَافُ الْمَلَائِكَةِ (al-Juhari 2009). *Hadiqah* juga membawa maksud setiap kebun yang berpagar (Ma‘luf 1956). al-Marbawi (1930) memberi makna kepada perkataan ini sebagai sebuah kebun yang berkota batu. Dengan makna yang lebih umum, ia bermaksud sebuah taman (al-Ba‘albaki 1999). *Azhar* (أَزْهَارٌ) merupakan jamak bagi perkataan *zahrat* (زهرة) atau *zahra* (زهر) yang bermaksud sekuntum bunga (al-Marbawi 1930). Ia juga bermaksud sesuatu yang elok, terpilih dan disukai (Ma‘luf 1956). Selain itu, ia turut bermaksud tumbuh-tumbuhan, bunga, berkembang, pilihan, terbaik, utama dan elit صفوٌ (نخبة) (al-Ba‘albaki 1999). *Rayahin* (رياحين) merupakan jamak bagi perkataan *rayhan* (ريحان) bermakna setiap pohon yang mengeluarkan bau wangi (Ma‘luf 1956), pohon yang wangi (al-Ba‘albaki 1999), pohon kemangi, bauan yang wangi dan rezeki (al-Marbawi 1930). Ia juga bermakna dan rezeki sepertimana pepatah Arab خَرَجَتْ أَيْتَعِيَ رِيحَانَ اللَّهِ (Perkataan *rayhan* turut dimuatkan dalam al-Qur'an dan al-Hadith. Antaranya dalam Surah al-Rahman ayat ke-12, وَالْحَبُّ ذُو الْعَصْفِ وَالرِّيحَانِ bermaksud “Demikian juga terdapat biji-bijian yang ada jerami serta daun, dan terdapat lagi bunga-bungaan yang harum”. Ia turut digunakan dalam al-Hadith, antaranya ialah اللَّدُّ مَنْ يَرِيَ رِيحَانَ اللَّهِ yang bermaksud anak-anak adalah rezeki daripada Allah (al-Juhari 2009). *Manaqib* (مناقب) pula merupakan perkataan jamak bagi *manqabah* (مناقب) bermaksud *virtue* atau sifat dan perilaku yang baik pada seseorang (al-Ba‘albaki 2005; al-Ba‘albaki 1999). Ia juga bermaksud sifat kepujian pada seseorang (al-Marbawi 19352) atau perbuatan yang mulia (Ma‘luf 1956) atau perkara berlawanan dengan keburukan (al-Juhari 2009). *Akhyar* (أَخْيَارٌ) merupakan jamak bagi perkataan *khayr* (خير) yang bermaksud sesuatu yang berlawanan dengan keburukan, mendapatkan sesuatu dengan sempurna dan banyak kebaikan (Ma‘luf 1956). Ia juga bermaksud yang banyak kebijakan atau kebaikan (al-Marbawi 1350H). *Akhbar* (أخبار) pula adalah jamak bagi perkataan *khabar* (خبر) yang bermaksud cerita, berita atau warta (al-Marbawi 1930). Ia juga bermaksud berita, maklumat, berita baik, risikan, laporan, cerita, bahan berita dan

pengumuman (al-Ba^calbaki 1999). Selain itu, ia juga membawa makna sesuatu yang disampaikan dan diperkatakan dengannya (Ma^cluf 1956) (al-Juhari 2009). *Salihin* (صالحين) merupakan jamak bagi perkataan *salih* (صالح) yang bermaksud seseorang yang baik, yang berbuat baik, yang sepakat, yang bersetuju dan yang sepatutnya (al-Marbawi 1350H). Selain itu, ia bermaksud berlawanan dengan orang yang melakukan keburukan, yang melakukan apa yang benar dan wajib ke atasnya (Ma^cluf 1956). Ia juga bermakna seseorang yang suci dari setiap keburukan (al-Jurjani 1996). Dengan erti kata lain, ia bermaksud baik, benar, sah, sesuai, memadai, cukup, berguna, berperanan, berguna, selayaknya, bertanggungjawab, mampu, cekap, kompeten, mulia, warak dan bertaqwah (al-Ba^calbaki 1999).

Secara keseluruhannya, maksud bagi *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin fi Manaqib Akhyar wa Akhbar al-Salihin wa Aniqat al-Surur wa al-Istihsan fi Nafa'is Shatta Yarghabu fiha Kullu Insan* telah dinyatakan oleh Syeikh Ahmad dalam pendahuluan kitab tersebut. Beliau menyatakan (Ahmad 1354H):

... Dan aku namakan ini perhimpunan dengan *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin* ertinya kebun bunga-bunga dan pohon-pohon yang mempunyai bau yang baik pada menyatakan beberapa *manaqib akhyar* ertinya beberapa kelebihan orang yang baik-baik dan beberapa banyak cetera *awliya'* dan salihin dan *aniqat al-surur al-istihsan* ertinya tempat yang elok lagi indah yang mencelangan yang disediakan bagi bersuka-suka hati dan me[ng]elokkan barang yang dilihat oleh mata pada menyatakan beberapa banyak faedah yang berhamburan yang gemar padanya oleh tiap-tiap manusia ...

Apabila diteliti judul yang telah diberikan oleh Syeikh Ahmad terhadap kitab ini, dapat dipastikan bahawa judul tersebut terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian yang pertama merupakan judul asal kepada kitab tersebut iaitu *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin* yang bermaksud kebun atau taman bunga-bunga dan pohon-pohon yang mengeluarkan bau yang wangi. Bahagian yang kedua pula lebih menjurus kepada penerangan dan huraian terhadap isi kitab tersebut iaitu *fi Manaqib Akhyar wa Akhbar al-Salihin wa Aniqat al-Surur wa al-Istihsan*. Bahagian kedua ini seolahnya menjelaskan kandungan kitab ini iaitu mengenai sifat dan perilaku orang-orang yang baik, perkhabaran orang-orang yang salih serta kisah-kisah teladan yang mengagumkan dan mempunyai kebaikan padanya. Bahagian ketiga pula menjelaskan mengenai kesan atau natijah daripada pembacaan kitab ini iaitu *fi Nafa'is Shatta Yarghab fiha Kullu Insan*. Bahagian terakhir ini pula bermaksud dengan membentangkan kisah-kisah yang berharga nilainya, selain menghiburkan hati

yang menjadi keinginan bagi setiap manusia. Dalam hal ini juga, Syeikh Ahmad secara langsung telah merujuk semula kepada sebab penulisan kitab ini. Sebagaimana beliau nyatakan (Ahmad 1354H):

... Adapun kemudian daripada itu maka bahawasa aku tatkala lihatku akan segala nafsu itu tersuka ia dan bersenang ia kepada segala hikayat dan segala cerita yang elok-elok ... dan berahi ia dengan mendengarnya akan dia dan bersedap-sedap ia dengan perkhabarannya ... kasihku bahawa aku perkenankan kepada maksudnya dan aku dapat laba pahala daripada Tuhan yang disembahnya ... Maka aku himpukkan dengan puji Allah Ta'ala daripada segala riwayat ulama yang keperayaan yang baligh perkataan mereka itu akan barang yang diinginkan dia oleh segala hati dan mengelokkan dia oleh segala akal dan dapat lazat dengan dia oleh segala pendengaran ... dan mengkaya ia daripada percakapan bergurau selora yang menyukakan hati dan percakapan pada malam yang cemerlang bulannya antara beberapa taulan pada beberapa ketika lapang di dalam masa bermukim dan safir ... dan menghilang ia daripada mereka yang me[n]telaahkan dia akan segala dukacita dan menegah ia daripada mereka yang mendengarkan dia akan segala keru[n] singan ... daripada beberapa hikayat segala orang yang takut akan Allah Ta'ala yang salihin dan beberapa karamat aulia yang sampai mereka itu kepada Allah Ta'ala dan beberapa kelebihan imam yang mujahidin yang besar-besar dan beberapa kemegahan qutb yang dipilih dia yang mempunyai beberapa banyak rahsia ... kerana barang yang ada pada demikian itu daripada beberapa banyak faedah yang besar-besar dan beberapa maksud yang elok-elok lagi yang mulia-mulia ... daripada menetapkan segala hati atas berpegang dengan agama Islam dan meliarkan daripada mengerjakan segala dosa dan menyungahngunggahkan atas taat dan menuntut turunkan berkat dan mengajar dan mengingatkan dan lain daripada demikian itu daripada kebijakan yang banyak ...

Daripada ini, dapat disimpulkan bahawa semasa hendak menulis kitab *Hadiqat* ini Syeikh Ahmad telah mempunyai perancangan yang kukuh tentang isi kandungan kitab serta kaedahnya. Maka daripada penerangan beliau yang panjang lebar itu, beliau ringkaskan secara keseluruhannya kepada judul kitab tersebut iaitu *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin fi Manaqib Akhyar wa Akhbar al-Salihin wa Aniqat al-Surur wa al-Istihsan fi Nafa'is Shatta Yarghab fiha Kullu Insan*. Dalam mentafsirkan maksud judul kitab *Hadiqat al-Azhar*, Shafie Abu Bakar (1997) memberikan takrifan yang berbeza terhadap maksud judul tersebut namun secara umumnya beliau masih membawa maksud yang sama. Perbezaannya adalah lebih kepada aspek pemilihan dan penyusunan perkataan dengan membawa masuk unsur sastera puisi. Beliau mentakrifkan judul kitab tersebut dengan gaya tafsiran puisi iaitu, "Kitab taman bunga dan bauan; Memanaqib para salihin dan berkebajikan; Menusukkan rasa gembira dan berkebajikan; Berbagai ketinggian. padanya digemari tiap insan.

KANDUNGAN HISTORIOGRAFI

Tidak seperti kitab-kitab sejarah yang lain, *Hadiqat* tidak memusatkan perbahasan sejarahnya hanya terhadap sesuatu aspek dan kaedah sahaja. Sebagaimana judulnya, *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin* (taman bunga-bunga dan wangi-wangian), kitab ini memuatkan pelbagai sudut dan kandungan sejarah. Wan Mohd. Shaghir menyatakan terdapat empat bahagian atau pembahagian sejarah dalam kitab tersebut iaitu ‘Pada Menyatakan Kelebihan Imam Empat yang *Mujtahidin*,’ ‘Pada Menyatakan Hikayat Para Wali Allah,’ ‘Pada Menyatakan Manaqib Para *Quthub, Auliya*’ yang Besar-besar dan Masyhur’ dan ‘Pada Menyatakan Daulat Turki-‘Utsmaniyyah’ (Wan Mohd. Shaghir 1998). Abdul Razak pula membahagikan periwayatan sejarah dalam kitab ini kepada dua bahagian yang utama. Pertama, mengenai *tarikh* dan *manaqib* tokoh-tokoh imam, auliya’ dan salihin. Kedua, mengenai *al-Dawlah al-‘Uthmaniyyah* Turki (Abdul Razak 2009). Pernyataan yang dibuat oleh kedua pengkaji tersebut ternyata adalah berdasarkan pemerhatian terhadap bahagian kandungan yang tercatat di bahagian akhir kitab tersebut kerana pada hakikatnya isi dalam *Hadiqat* terkandung lebih daripada yang dicatatkan pada bahagian kandungan.

Walaupun terdapat dua pendapat mengenai kandungan kitab *Hadiqat al-Azhar*, kajian ini lebih cenderung untuk mengguna pakai pandangan Azmul Fahimi dan Ahmad Faathin (2017) yang mengkaji secara mendalam terhadap setiap fasal dalam kitab ini. Pada pandangan mereka, kandungan kitab *Hadiqat* adalah dapat dibahagikan kepada dua bahagian utama seperti mana dinyatakan Syeikh Ahmad pada mukadimahnya. Secara khusus, terdapat 310 fasal dalam kitab ini yang membincarakan mengenai sejarah, fikah, perubatan, akidah, tasawuf, doa dan jampi, nasihat, kitab, penulisan, bahasa, falak, politik serta lain-lain fasal. Kandungan sejarah kitab ini pula dapat dikelaskan kepada sembilan tema dengan tiga tema utama iaitu *akhbar al-salihin*, *manaqib al-akhyar* dan kronologi Kerajaan ‘Uthmaniyyah. Enam tema selebihnya adalah tema pelengkap kepada kandungan historiografi *Hadiqat al-Azhar* iaitu autobiografi, genealogi, sejarah tempatan, sejarah kontemporari, sejarah universal dan konsep ilmu sejarah. Oleh yang demikian, kitab keunikan kitab ini ialah ia tidak hanya mengkhususkan periwayatan sejarah dalam satu-satu jenis sejarah sahaja bahkan pelbagai jenis sejarah. Ia menyerupai dengan konsep bunga rampai dari aspek kepelbagaiannya pemilihan skop sejarah dan keilmuan lain dalam kitab tersebut.

IDEA SEJARAH *TANBIH*

Dari aspek bahasa, *tanbih* berasal daripada perkataan *nabbaha* – نَبْهَةٌ – تَنْبِيَهٌ yang bermaksud menyebutkan atau mengingatkan tentang sesuatu dari terlupa (al-Mu‘jam al-Wasit 1972). Ia juga bermaksud melarang, memberi amaran, menggalakkan dan memberansangkan ia (al-Marbawi 1950H). al-Jurjani pula berpendapat *tanbih* bermaksud petunjuk terhadap apa yang dilupai oleh orang kedua (orang yang diperkatakan terhadapnya) (al-Jurjani 1996). Dari segi istilah, *tanbih* bermaksud menjagakan, menyedarkan, memberi amaran, memberi ingatan dan memberitahu (al-Marbawi 1950H). Butrus al-Bustani menyatakan *tanbih* bermaksud menyatakan sesuatu secara tersirat selepas menyatakan secara langsung dalam keadaan jika pendengar yang pintar mengamatinya seara menyeluruh pasti akan memahaminya, tetapi disebabkan ia tersirat maka mungkin tidak menyedarinya (al-Bustani 1139). al-Jurjani pula menyatakan *tanbih* bermaksud sesuatu yang difahami secara menyeluruh dengan seminima pengamatan sebagai pemberitahuan tentang apa yang ada dalam diri pihak pertama kepada pihak kedua (al-Jurjani 1996). Oleh yang demikian, *tanbih* dapat dimaksudkan dengan sesuatu perkara yang diperingatkan kepada seseorang namun perkara tersebut telah pun diketahui olehnya, tetapi perkara tersebut mungkin telah dilupakan atau terlupa. Maka ia diperingatkan semula supaya dapat diberi semula perhatian terhadapnya. Bentuk yang digunakan dalam *tanbih* juga tidak semestinya dalam bentuk nasihat bahkan boleh dipersembahkan dalam bentuk simbolik. Ia tidak mempunyai bentuk yang khusus kerana matlamat kepada konsep *tanbih* adalah untuk memberi penumpuan kepada apa yang telah diperingatkan serta diberikan reaksi atau rangsangan terhadapnya (Wan Nasryudin 2002).

Konsep *tanbih* secara asasnya ialah memberi peringatan supaya ia akan menyedarkan manusia atau penyegaran kembali. Peringatan yang dibawa melalui *tanbih* bersifat menyeru manusia supaya menyedarkan diri mereka terhadap apa yang telah mereka ketahui (Halipah 2012; AsepMuhiddin 2002; Hasjmy 1974). Oleh yang demikian, konsep *tanbih* yang dimaksudkan adalah sebuah peringatan yang diberikan untuk menyegarkan kembali apa yang telah diketahui oleh yang diberitahu, bagi memperingatkan mereka kepada asal kejadian agar tidak lupa kepada tujuan kehidupan. Penggunaan *tanbih* dalam historiografi Islam pula adalah untuk membawa peringatan kepada masyarakat tentang perkara yang telah berlaku kepada umat-umat

terdahulu agar dijadikan peringatan dan pengajaran. Berbeza dengan *tadhkir*, *tanbih* tidak disertai dengan implikasi terhadap sesuatu perkara seperti ganjaran syurga atau siksaan neraka bahkan ia lebih menjurus supaya manusia berfikir dan muhasabah diri sahaja (Sakinah 2011). Maka daripada ini, beberapa kesimpulan dapat dibuat terhadap konsep *tanbih* iaitu (Wan Nasryudin 2002):

1. Penggabungan unsur ajakan, dorongan, mengingatkan, cabaran, suruhan, amaran dan gesaan. Ia bukanlah berunsurkan hinaan, sindiran, mempersenda dan menjatuhkan seseorang.
2. Perkara yang diperingatkan semula mestilah penting dan perlu untuk diungkapkan semula kepada pihak yang diperingatkan.
3. Gaya bahasa yang digunakan mestilah gaya bahasa yang baik dan bersopan santun.
4. Menyatakan perkara yang penting supaya ia dapat diberi perhatian selanjutnya.
5. Mengingatkan perkara yang kebiasaannya akan dilupakan.

Selain itu, beberapa unsur yang akan menyebabkan ia akan terkeluar daripada konsep *tanbih* ialah (Wan Nasryudin 2002):

1. Penggunaan ayat yang kasar dan kesat.
2. Digunakan dalam keadaan marah.
3. Memperlekehkan dan mempersendakan seseorang.
4. Diucapkan kepada seseorang yang tidak mahu mendengar nasihat, degil, keras kepala dan sebagainya kerana ia bertujuan untuk mengingatkan dan menyedarkan semula seseorang atas keterlupaannya terhadap perkara yang penting, bukan atas dasar siapa yang diperingatkan perkara tersebut.
5. Berbentuk ancaman dan menakutkan.

Dalam tradisi penulisan Islam, ulama-ulama silam telah menerapkan idea dan konsep *tanbih* dalam penulisan mereka. Hal ini dapat dilihat penggunaan perkataan tersebut dalam judul kitab mereka. Antaranya ialah kitab *Tanbih wa al-Ishraf* oleh al-Mas'udi, *Tahrir al-Tanbih* oleh al-Nawawi, *Tanbih al-Ghafilan* oleh al-Samarqandi dan *Tanbih al-Anam ila Tarikh al-Islam* oleh al-Yafi. Keempat-empat kitab tersebut telah mengaplikasikan konsep *tanbih* seperti mana yang telah disebutkan di atas dengan mengkhususkan untuk mengingatkan semula pembaca terhadap aspek yang mereka tekankan. Dalam kitab *Tanbih wa al-Ishraf*, al-Mas'udi menekankan untuk memperingatkan manusia tentang apa yang mungkin telah mereka lupa

daripada sejarah lalu (al-Mas'udi 1938). Dalam kitab tersebut, al-Mas'udi memuatkan perihal kerajaan-kerajaan silam pra-Islam hingga era khususnya perkembangan kerajaan Parsi dan Rom. Beliau turut mencatatkan perihal *sirat* Rasulullah SAW hingga era Kerajaan Abbasiyyah. Selain itu, kitab *Tanbih al-Anam ila Tarikh al-Islam* oleh al-Yafi turut membawakan konsep yang sama. Sebagaimana yang beliau nyatakan bahawa sejarah dan peninggalan Islam pada masa lalu merupakan kebanggaan umat kerana darinya dapat diambil *'ibrah* atau pengajaran daripadanya. Oleh yang demikian ia perlulah untuk diperangkat semula (*tanbih*) dan difikir-fikirkan (*tafakkur*) (al-Yafi 1912). Dalam kitab tersebut, al-Yafi memulakan dengan kisah-kisah dan sejarah nabi-nabi terdahulu hingga era kerajaan-kerajaan Islam selepas kewafatan Rasulullah SAW.

Dalam konteks kitab *Hadiqat*, terdapat dua aspek penggunaan *tanbih* iaitu sebagai konsep serta metode penulisan dan penguraian konsep tersebut. Pada bahagian akhir kitab, Syeikh Ahmad telah membahaskan mengenai konsep tersebut dalam bab ‘Ini satu *tadhbil* daripada perkataan yang *jamil* * Pada pengajaran dan perjagaan yang *jalil*’. Konsep *tanbih* yang dibawa oleh Syeikh Ahmad dalam kitab *Hadiqat* bermaksud ‘perjagaan’, iaitu untuk menyedarkan pembaca supaya sedarkan diri dari fitnah dunia. Untuk menyedarkan mereka, Syeikh Ahmad memaparkan kisah-kisah para wali dan individu dalam sejarah yang telah berjaya melepaskan diri mereka daripada fitnah dunia. Sebagaimana beliau nyatakan (Ahmad 1935):

... jaga olehmu hai yang mempunyai *ghafalat* * yang me[ng] habisi akan umurnya di dalam kesukaan dan lazat * maka tiada tersembunyi bahawa tiap-tiap seorang itu mengetahui akan bahawasa akhir kelakuannya pada dunia itu mati * dan jika lau ada ia mempunyai kerajaan yang amat besar dan kemegahan yang amat tinggi dan kekuasaan yang amat keras sekalipun * maka ambil iktibar olehmu dengan segala *jabbabirah* yang dahulu-dahulu kemanalah pergi mereka itu seperti *'Ad* * yang membinakan *Iram Dhat al-'Imad* ... maka ambil iktibar olehmu hai yang *ghafil* dengan mereka itu ...

Daripada pernyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa Syeikh Ahmad telah kembali kepada tujuan asal kepada penulisan sejarah dalam Islam, iaitu untuk dijadikan sebagai *'ibrah* dan pengajaran kepada pembacanya. Ia juga selaras dengan pensejarahan al-Qur'an yang bertujuan memberi petunjuk kepada manusia dengan memberi peringatan untuk dijadikan pengajaran (Ismail 2012). Oleh yang demikian, pemaparan kisah-kisah tersebut menjawab hasrat Syeikh Ahmad di bahagian awal kitab tersebut iaitu (Ahmad 1935):

... Daripada mentafsir segala hati atas berpegang dengan agama Islam dan meliarkan daripada mengerjakan segala dosa dan menyungguh-nyungguhkan atas taat dan menuntut turunnya berkat dan mengajar dan me[ng]ingatkan dan lain daripada demikian itu daripada kebajikan yang baik ... maka sesungguhnya telah berfirman Allah Ta‘ala di dalam kitabnya yang aziz dan akan tiap-tiap itu kami ceriterakan atas engkau hai Muhammad daripada segala ceritera segala Rasul supaya kami tetapkan dengan dia akan hati engkau ...

Maka daripada ini dapat dikenal pasti bahawa pemilihan konteks sejarah yang dilakukan oleh Syeikh Ahmad adalah bertujuan untuk mengingatkan dan menyegarkan kembali apa yang telah dilupai oleh masyarakat. Hal ini tidak lain dan tidak bukan hanyalah untuk menyedarkan supaya mereka muhasabah dan mengambil pengajaran daripadanya. Oleh itu pemilihan tema historiografi beliau juga adalah bagi merealisasikan idea *tanbih* yang beliau terapkan dalam penulisan beliau. Tiga tema historiografi utama yang beliau muatkan dalam kitab *Hadiqat* termasuklah, *Manaqib* imam empat mazhab fikah serta enam enam *qutb* dan auliya yang masyhur; *Akhbar* dan hikayat para auliya dan *sulaha'* dan; Periwayatan sultan-sultan Kerajaan ‘Uthmaniyyah dari pengasasan hingga era khilafah pada zaman beliau.

Selain daripada tiga tema utama yang beliau muatkan secara khusus sebagai bab, terdapat enam tema historiografi yang bersifat sebagai tema pelengkap. Enam tema tersebut ialah, Pertama, sejarah kontemporari, iaitu sikap memuliakan ilmu oleh masyarakat Mesir pada zaman beliau. Perbicaraan mengenai hal ini beliau muatkan semasa menghuraikan mengenai kepentingan dan keutamaan menuntut ilmu. Dalam bab ini juga beliau menzhirkan kekecewaan terhadap bangsa Melayu yang tidak memberi perhatian khusus terhadap ilmu sepertimana di Mesir; Kedua, autobiografi iaitu Syeikh Ahmad memuatkan penulisan mengenai diri beliau sendiri dalam kitab *Hadiqat*. Beberapa perkara yang dapat dikenal pasti termasuklah nasab keturunan beliau, tarikh dan tempat lahir beliau dan aktiviti percetakan beliau di Mekah dan; Ketiga, pernyataan nasab sultan Kerajaan ‘Uthmaniyyah dan Raja-raja Bugis di Alam Melayu.

MANAQIB IMAM EMPAT MAZHAB

Manaqib (مناقب) merupakan perkataan jamak bagi *manqabah* (مناقبة) bermaksud *virtue* atau sifat dan perilaku yang baik pada seseorang (al-Ba‘albaki 2005; al-Ba‘albaki 1999). Ia juga bermaksud sifat kepujian pada seseorang (al-Marbawi 19352)

atau perbuatan yang mulia (Ma‘luf 1956) atau perkara berlawanan dengan keburukan (al-Juhari 2009). Secara keseluruhannya, *manaqib* dapat dimaksudkan dengan sifat dan perilaku baik yang ada pada seseorang. Penggunaan istilah *manaqib* oleh Syeikh Ahmad terhadap secara tidak langsung adalah untuk menunjukkan bahawa imam empat mazhab merupakan contoh dan ikutan teladan yang seharusnya dicontohi. Pemilihan imam berempat ini juga adalah simbolik kepada kewujudan dan pendudukan Islam di Nusantara. Berbanding menonjolkan mazhab-mazhab lain, Syeikh Ahmad hanya menumpukan kisah dan perjalanan hidup empat orang imam ini hanya sebagai penguat dan penambah pengetahuan sedia ada masyarakat. Secara logiknya, seorang Muslim seharusnya mengenali dan mengetahui kewujudan empat mazhab fikah yang utama dalam Islam disamping wujudnya beberapa mazhab fikah yang lain seperti Mazhab al-Thawri, Mazhab al-Zahiri dan lain-lain. Selain itu, walaupun imam empat mazhab ini diketahui umum namun pada era beliau masih belum ada penulisan yang lengkap mengenai sejarah imam empat mazhab tersebut. Penulisan yang ada hanyalah dalam kitab *Fath al-Mannan li Safwat al-Zubad* dan kitab *Bughyat al-Tullab* oleh Syeikh Daud al-Fatani namun keduanya ditulis secara ringkas sahaja (Wan Mohd. Shaghir 1992). Oleh yang demikian, pemilihan topik ini merupakan inisiatif Syeikh Ahmad untuk memperkenalkan dan mengingatkan masyarakat di Alam Melayu terhadap imam empat mazhab.

Bagi setiap imam, Syeikh Ahmad memulakan bicaranya dengan memaparkan nama, tarikh lahir dan tempat lahir mereka. Kemudian disusuli dengan pengembaraan ilmu dan guru-guru mereka, sifat peribadi, pendapat ulama lain terhadap peribadi mereka dan beberapa kisah terpilih dalam hidup mereka. Selain itu, Syeikh Ahmad turut menyelitkan beberapa fatwa dan hukum fikah yang dikeluarkan oleh empat imam tersebut. Penceritaan beliau terhadap riwayat imam empat mazhab tersebut turut diisi dengan beberapa etika dan adab dalam kehidupan manusia. Sebagai contoh, semasa menulis mengenai Imam Hanafi, Syeikh Ahmad memuatkan kisah seorang wanita yang bertemu dengan Imam Hanafi untuk bertanyakan hukum mengenai haid. Kisah tersebut jelas menunjukkan bagaimana etika yang ditunjukkan oleh Imam Hanafi apabila ingin mengatakan sesuatu sulit mengenai wanita di khalayak umum. Perkara yang sama dapat dilihat semasa penceritaan perihal khalifah yang memerintahkan Imam Malik untuk bertemu dengan

baginda bagi mengajarkan *al-Muwatta* namun Imam Malik mengatakan, “ilmu itu diziarahkan dia dan tiada ia me[n]ziarah dan ilmu didatang kepadanya dan tiada ia datang”. Dalam hal ini Syeikh Ahmad berhasrat untuk memaparkan adab dan etika ketika menuntut ilmu yakni walaupun kedudukan dan status seseorang itu tinggi di mata masyarakat. Bagi pengakhiran kisah setiap imam pula dimuatkan mengenai tarikh kewafatan dan tempat mereka dimakamkan.

Perkara yang menarik mengenai pemilihan sejarah imam empat mazhab ini, Syeikh Ahmad dilihat lebih cenderung untuk memperbanyakkan kisah mengenai Imam Shafie berbanding tiga imam yang lain. Apabila diteliti purata halaman yang digunakan, periyawatan kisah bagi setiap imam mazhab adalah berbeza. Imam Abu Hanifah dengan 3 halaman, Imam Malik dengan 4 halaman dan Imam Ahmad ibn Hanbal dengan 4 halaman. Periyawatan mengenai Imam al-Shafi'i adalah berlipat kali ganda berbanding tiga imam yang lain iaitu sebanyak 17 halaman. Daripada hal ini dapat diandaikan bahawa periyawatan yang lebih banyak adalah berdasarkan kepada subjek pembaca kitab ini yang berada di Nusantara yang amnya bermazhab al-Shafi'i. Oleh yang demikian, dalam merealisasikan idea *tanbih*, Syeikh Ahmad membawa pembaca untuk mengenali tokoh fikah ini. Sebagaimana beliau nyatakan pada judul kitab ini, istilah *fi Manaqib al-Akhyar* adalah merujuk kepada kisah dan riwayat mengenai imam empat mazhab yang mempunyai peribadi yang tinggi dan mulia untuk dijadikan contoh dan teladan bagi masyarakat.

AKHBAR, RIWAYAT PARA AULIYA DAN SULAHA'

Selepas mengakhiri periyawatan kisah imam empat mazhab fikah, Syeikh Ahmad meneruskan penulisan sejarahnya dengan memuatkan mengenai kisah-kisah para wali Allah dan orang-orang yang soleh. Berbeza dengan penulisan mengenai imam empat mazhab, penceritaan beliau dalam hal ini hanya berbentuk kisah-kisah tertentu para wali tersebut dengan tidak memasukkan perkhabaran yang lengkap berkaitan biografi mereka. Sepertimana periyawatan beliau terhadap imam empat mazhab, penulisan hikayat para wali ini juga merupakan yang pertama dalam bahasa Melayu (Wan Mohd. Shaghir 1992). Syeikh Ahmad memaparkan pelbagai kisah dan pengalaman yang dialami oleh para wali Allah yang terdapat dalam sejarah Islam. Antaranya ialah Dhu al-Nun

al-Misri, Ibrahim Adham, Junayd al-Baghdadi serta mereka yang berperanan dalam peristiwa penting dalam sejarah seperti Shaykh Agha Shams al-Din semasa pembukaan Konstantinople dan kisah peranan wali menegah orang Nasrani yang ingin mencuri jenazah Rasulullah SAW.

Cerita dan kisah mengenai orang soleh dan sufi merupakan antara kisah yang mendapat tempat utama di Alam Melayu. Pada peringkat awal, kisah-kisah ini merupakan saduran daripada daripada sastera Arab dan Parsi untuk dijadikan model dan contoh teladan mengenai individu yang dianggap soleh dan dekat dengan Allah. Pembawaan kisah-kisah ini di Alam Melayu adalah seiring dengan perkembangan ajaran tasawuf. Ajaran tersebut lebih memfokuskan terhadap aspek kerohanian dengan tekad untuk membersihkan hati dan mendekatkan diri kepada Allah. Oleh yang demikian, pembawaan kisah-kisah ini adalah untuk membicarakan mengenai kisah dan perjalanan hidup orang terdahulu untuk mencapai tingkat kerohanian yang tinggi di sisi Allah dengan tujuan untuk dijadikan tauladan para pembaca kisah tersebut (Ismail & Wahyunah 2002). Daripada ini, Syeikh Ahmad telah memilih untuk memuatkan kisah-kisah tersebut dalam kitabnya. Antara tokoh yang diketengahkan ialah Dhu Nun al-Misri, Ibrahim al-Khawwas, Abu al-Qasim Junayd al-Baghdadi, al-Siri al-Siqti, Malik ibn Dinar, Abu Bakr ibn al-Fadl dan Shaykh Salih al-Murra yang tidak asing lagi di Alam Melayu mengenai kisah-kisah mereka.

PERIWAYATAN SULTAN-SULTAN KERAJAAN ^cUTHMANIYYAH

Penceritaan pengasasan sesebuah kerajaan dan perihal pemerintahan sultan-sultannya bukanlah perkara yang baru dalam historiografi Melayu bahkan ia merupakan antara cirinya yang utama. Hussain Othman (2011) dalam hal ini menyatakan bahawa pemerihalan mengenai kerajaan telah dilakukan oleh orang Melayu sejak dari dahulu lagi sebagaimana yang termaktub dalam *Hikayat Raja Pasai* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Oleh yang demikian, tema historiografi ini bukanlah perkara yang asing di Alam Melayu. Pemerihalan sultan-sultan Kerajaan ^cUthmaniyyah oleh Syeikh Ahmad juga bukanlah perkara yang menghairankan kerana sebelum beliau juga telah terdapat catatan-catatan mengenai Kerajaan ^cUthmaniyyah. Antaranya seperti dalam *Hikayat Aceh* dan *Hikayat Meukota Alam* yang mencatatkan mengenai hubungan antara kerajaan Aceh dan Kerajaan ^cUthmaniyyah (Ermy

Azziaty 2014). Walau bagaimanapun, sebelum penulisan yang dibuat oleh Syeikh Ahmad ini dikatakan masih belum terdapat penulisan lengkap mengenai sejarah kerajaan Uthmaniyyah secara lengkap daripada pengasasan hingga semasa era beliau di Alam Melayu (Wan Mohd. Shaghir 2005). Oleh yang demikian, penulisan ini merupakan inisiatif yang diambil oleh Syeikh Ahmad sebagai rujukan kepada orang Melayu bagi mengenali sultan-sultan kerajaan Uthmaniyyah yang merupakan pemimpin dunia Islam ketika itu.

Disamping menulis mengenai sultan-sultan tersebut, Syeikh Ahmad dilihat tidak hanya memfokuskan kepada perjalanan hidup dan pemerintahan sultan-sultan itu sahaja. Beliau turut menonjolkan konsep dan idea pemerintahan yang telah dilakukan oleh sultan-sultan tersebut. Beliau seakan cuba untuk menyampaikan teladan pemerintahan yang telah dilakukan oleh sultan-sultan tersebut untuk diikuti dan dijadikan model bagi pembaca. Perkara ini sebagaimana yang disebutkan oleh Abdullah Zaidi (2009):

... Agak menarik untuk diperhatikan yang Sheikh tidak menulis bab yang khusus tentang jihad di dalam kitab fikah tulisannya seperti '*Uwan al-Falah dan Bahjat al-Mubtadin*, sedangkan kedua-dua kitab ini telah menyentuh bab-bab muamalat, munakahat, jenayah dan tasawuf. Sebaliknya Sheikh menyentuh persoalan keutamaan jihad secara penceritaan sejarah tentang kelebihan-kelebihan raja-raja 'Uthmaniyyah yang memang gigih melancarkan jihad. Tersirat dalam tulisannya ialah peri pentingnya penguasaan ilmu yang meliputi segala bidang dan strategi politik yang berkesan sebagai wasilah perjuangan ...

KESIMPULAN

Penulisan sesebuah karya sejarah secara tidak langsung akan mempersempahkan idea, falsafah, teori dan sisi pandang sejarah yang terdapat dalam pemikiran sejarawan tersebut. Sebagaimana sejarawan lain, Syeikh Ahmad turut menerapkan idea *tanbih* sebagai idea sejarah beliau semasa menulis kitab *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin*. Penerapan idea ini adalah untuk menjadikan penulisan sejarah beliau sebagai sebuah kitab yang akan digunakan untuk memperingati, menyedarkan dan mengingati semula apa yang telah dilakukan oleh orang terdahulu dalam menjalani kehidupan sama ada sebagai individu dalam masyarakat mahupun sebagai seorang pemerintah. Walau bagaimanapun, daripada kajian yang telah dilakukan dapat dikenalpasti bahawa Syeikh Ahmad turut menerapkan idea lain selain *tanbih* dalam penulisan kitab *Hadiqat*. Perkara ini jelas kelihatan melalui

catatannya mengenai *tanbih wa al-istitrad* semasa menjelaskan mengenai metode beliau dalam menulis kitab tersebut.

RUJUKAN

- Abdul Razak Mahmud. 2009. *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin*: Karya monumental Sheikh Wan Ahmad al-Fatani. Dlm. *Bunga Rampai Persuratan Melayu Wilayah Timur: Sejarah, Pemikiran dan Karya*, disunting oleh Abdul Razak et al. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Abdullah Zaidi Hassan. 2009. Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani: Pemikir agung Melayu. Dlm. *Dunia Melayu dan Islam: Satu Wacana*, disunting oleh Kalthum Ibrahim, Farid Mat Zain, Nasruddin Yunos & Ezad Azraai Jamsari, 113-154. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Abdullah Zaidi Hassan. 2014. *Syeikh Ahmad al-Fatani dan kitab Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin*, Kota Bharu. wawancara, 22 November.
- Ahmad Fathy al-Fatani. 2001. *Ulama Besar dari Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Muhammad Zain. 1935. *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin*. Cetakan ke-3. Pulau Pinang: Persama Press.
- Azmul Fahimi Kamaruzaman. 2010. Genesis tajribah Miskawayh dalam *Tajarib al-Umam*. *Islamiyyat* 32: 25-39.
- Azmul Fahimi Kamaruzaman, Norsaeidah Jamaludin & Muhammad Firdaus Hafizi Fauzi. 2015. Pentafsiran idea sejarah dalam kerangka historiografi Islam. *International Journal of West Asian Studies* 6(1): 25-36.
- Azmul Fahimi Kamaruzaman. 2016. Legasi intelektual al-Tabari dan Ibn Kamil dalam *Tajarib al-Umam* karya Miskawayh. *Islamiyyat* 38(1): 45-52.
- Azmul Fahimi Kamaruzaman & Ahmad Faathin Mohd Fadzil. 2017. Klasifikasi kandungan sejarah dalam epistemologi historiografi Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin oleh Syeikh Ahmad al-Fatani. *Jurnal al-Tamaddun* 12(2): 51-72.
- Collingwood, R.G. 1961. *The Idea of History*. New York: Oxford University Press.
- al-Duri, 'Abd al-'Aziz. t.th. *Bahth fi Nasha'at 'Ilm al-Tarikh 'ind al-'Arab*. Bayrut: al-Matba'ah al-Kathulikiyyah.
- Ermy Azziaty Rozali. 2014. Pemerihalan dawlah Uthmaniyyah dalam pensejarahan Melayu. *Prosiding Seminar Pensejarahan Islam*, hlm. 133-153.
- Garraghan, G.J. 1948. *A Guide to Historical Method*. United States of America: Fordham University Press.
- Gazalba, Sidi. 1966. *Pengantar Sedjarah sebagai Ilmu: untuk Tingkat Pengetahuan Menengah dan Perguruan Tinggi*. Djakarta: Bhratara

- Halipah Hamzah. 2012. Pemikiran dakwah Syed Qutb berdasarkan tafsir fi Zilal al-Quran. *ESTEEM Academic Journal* 8(2): 106-117.
- Husayn, Ahmad Ilyas. 2001. *Nahw Mafhum Islami li 'Ilm al-Tarikh*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Hasjmy, A. 1974. *Dustur Dakwah Menurut al-Quran*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Hussain Othman. 2011. *Konsep Pensejarahan Melayu: Perspektif Kosmologi*. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman. 2000. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ismail Bakar. 2012. *Sejarah Historiografi Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Hamid & Wahyunah Abd. Ghani. 2002. *Hikayat Para Nabi dan Tokoh-tokoh Islam dalam Kesusastraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Juhari, Abi Nasr Isma'il ibn Hammad. 2009. *al-Sihah: Taj al-Lughah wa Sihah al-'Arabiyyah*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- al-Jurjani, 'Ali ibn Muhammad ibn 'Ali. 1996. *al-Ta'rifat*. Bayrut: 'Alam al-Kutub.
- Mahayudin Hj Yahaya & Shereeza Mohamed Saniff. 2018. *'Umran: Revitalising Nation Prosperity*. Negara Brunei Darussalam: UNISSA Press.
- al-Mas'udi, Abu al-Hasan 'Ali ibn Husayn. 1938. *al-Tanbih wa al-Ishraf*. Tashih al-Sawi, 'Abd Allah Isma'il. al-Qahirah: al-Maktabah al-Tarikhiiyah.
- Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohammed Redzuan Othman. 2000. *The Malays in the Middle East: with a Bibliography of Malay Printed Works Published in the Middle East*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd. Alwee Yusoff & Mohamad Azrein Mohamed Adnan. 2011. Shaykh Ahmad al-Fatani dan sumbangannya terhadap pengajian ilmu nahu di institusi pondok negeri Kelantan. *al-Basirah* 1(1): 161-171.
- al-Mu'jam al-Wasit*. 1972. Ed. ke-2. t.tp. t.pt.
- Muhammad Adib Samsudin & Mohamad Zaini Yahaya. 2011. Pemikiran usul fikah Syeikh Ahmad al-Fatani dalam kitab al-Fatawa al-Fataniyyah. *Jurnal Melayu* 7: 173-192.
- Muhidin Mulalic. 2012. *A Survey of Early Muslim Historiography*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Renier, G.J. 1961. *History: Its Purpose and Method*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Sakinah. 2011. Dakwah, Tadzkir dan Tanbih. <http://blog.umy.ac.id/sakinah/2011/11/11/dakwah-tadzkir-dan-tanbih/> Diakses pada: 27 Oktober 2015.
- Siti Hawa Abdullah. 2009. Takrif dan ciri-ciri pemikiran sejarah. *Diges Pendidik* 9(1): 98-106.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. 2011. *Historical Fact and Fiction*. Johor Bharu: Penerbit UTM Press.
- Umar, A. Muin. 1991. Robin G. Collingwood dan karyanya The Idea of History. *al-Jamiah* 47: 1-52.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 1998. *Hadiqatul Azhar war Rayyahin: Asas Teori Takmilah Sastera Melayu-Islam*. Jil. 1. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 2005. *Syeikh Ahmad al-Fathani: Pemikir Agung Melayu dan Islam*. Jil. 1. Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 2005. *Syeikh Ahmad al-Fathani: Pemikir Agung Melayu dan Islam*. Jil. 2. Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah.
- Wan Nasryrudin Wan Abdullah. 2002. Uslub al-tanbih dalam al-Quran: Satu penelitian dalam surah al-Baqarah. Tesis Sarjana. Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Yafi, Salih al-Madhus. 1912. *Tanbih al-Anam ila Tarikh al-Islam*. Bayrut: Matba'ah Jaridah.
- Zahrah Ibrahim. 1986. Pengantar. Dlm. *Sastera Sejarah: Interpretasi dan Penilaian*, disunting oleh Zahrah Ibrahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaid Ahmad. 2009. Muslim Philosophy of History. Dlm. *A Companion to the Philosophy of History and Historiography*, disunting oleh Aviezer Tucker. U.K: Blackwell Publishing.
- Zaid Ahmad. 2018. In quest of indigenous epistemology: Some notes on a fourteenth-century Muslim scholar, Ibn Khaldun (1332-1406). Dlm. *Constructing the Pluriverse: The Geopolitics of Knowledge*, disunting oleh Bernd Reiter. Durham: Duke University Press.
- Ahmad Faathin Mohd. Fadzil
Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
afaathinf@gmail.com
- Azmul Fahimi Kamaruzaman
Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
azmul@ukm.edu.my

